

17 MAY 1999

DR MAHATHIR ENGGAN MENGULAS MENGENAI ROMBAKAN KABINET

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad enggan mengulas mengenai desas-desus akan berlaku rombakan kecil Kabinet pada minggu ini, dan berkata ia hanya khabar angin.

"Ia hanya khabar angin...kamu tahu mereka (media/para analisis) boleh membuat spekulasi mengenai apa-apa dan kadangkala apa yang mereka kata boleh berlaku," katanya.

Para wartawan mengajukan soalan itu kepadanya pada persidangan media selepas Dr Mahathir merasmikan Persidangan Pelabuhan Dunia ke-21 di sini hari ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik memberi bayangan Sabtu lepas bahawa mungkin berlaku satu rombakan kabinet hari ini atau esok.

Sambil merujuk kepada ramalan media yang terdahulu mengenai pilihan raya umum yang akan diadakan tidak lama lagi, Dr Mahathir berkata:

"Sekiranya ia bukan bulan depan, maknanya ia bulan selepas itu dan sekiranya bukan bulan selepas itu, ia bulan lagi satu, lambat laun ramalan itu pasti mengena."

"Jadi kamu boleh adakan khabar angin, saya tidak boleh mengesahkan apa-apa," katanya.

Ketika ditanya sama ada satu rombakan kabinet akan diadakan dalam masa terdekat, Dr Mahathir berkata: "Ada kalanya kita akan mengadakan rombakan kabinet, mungkin sebelum pilihan raya atau selepas pilihan raya.

"Sudah tentu, akan berlaku rombakan kabinet, ia sebahagian daripada permainan kita."

-- BERNAMA

GM AKD